

Headline	IPTA dipelawa buka kampus utama di Perak		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	11 Apr 2014	Color	Black/white
Section	News	Circulation	238,082
Page No	27	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	130 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 795
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,385



IPTA dipelawa buka kampus utama di Perak

TAIPING 10 April - Kerajaan negeri berharap dapat menarik sebuah lagi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) untuk membuka kampus utama di Perak dalam usaha menjadikannya sebagai negeri berasaskan pengetahuan (*k-state*).

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir berkata, ketika ini, dua IPTA sedia ada yang sedang beroperasi di negeri ini ialah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

“Kerajaan negeri sedang mengadakan perbincangan ini dan saya tidak mahu mengumumkannya lagi. Namun, Perbadanan Menteri Besar dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) juga ada menerima cadangan dan pertanyaan berhubung penubuhan beberapa buah universiti swasta, malah ada yang telah dibincangkan.

“Hujung bulan ini, saya akan merasmikan satu kawasan di Seri Iskandar yang akan menjadi tapak kampus sebuah universiti swasta,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melancarkan portal *EzLearn2U* dengan penambahan 30 modul mata pelajaran serta 300 video terkini pembelajaran dan ulang kaji, di sini hari ini.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Puhat Mat Nayan; Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Dr. Muhammad Amin Zakaria dan Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan Jabatan Pendidikan Perak, Rozi Puteh Ismail.

Portal *EzLearn2U* membekalkan kandungan pembelajaran untuk guru, murid sekolah rendah (tahun 4 ke tahun 6) dan pelajar sekolah menengah (tingkatan 1 hingga 5) bagi membolehkan mereka memanfaatkannya di luar waktu persekolahan.

Dibangunkan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan KPerak Implementation and Coordination Corporation (KPerak) sejak Februari tahun lalu, program tersebut telah memanfaatkan 296,044 pelajar hasil peruntukan sebanyak RM2.5 juta.

Terdahulu, Rozi dalam ucapannya berkata, penggunaan portal *EzLearn2U* selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan untuk memastikan guru mempunyai kompetensi asas dalam teknologi maklumat selain penerapannya melalui pembelajaran dan pengajaran di sekolah.